



SEJARAH PERKEMBANGAN  
PEMBINAAN BANGUNAN DI  
MALAYSIA

---

***PEMBINAAN BANGUNAN WARISAN***

*Disediakan oleh:*

*Aspalela binti Othman*

*Sijil Teknologi Senibina*

*Kolej Komuniti Tanjung Karang*

# APAKAH WARISAN ???

1. Didefinisikan sebagai :

- ❖ sesuatu yang bernilai yang diwariskan dari satu generasi ke satu generasi yang baru.
- ❖ Ia merangkumi adat resam, kebudayaan, kawasan, bangunan, bahan arkib dan cetakan termasuk penulisan buku dan makalah.

2. Salah satu daripada warisan kebudayaan ialah sekumpulan bangunan:

- ❖ berkelompok atau terasing,
- ❖ bernilai dari segi seni bina,
- ❖ homogeneity atau tataletak (setting) dalam landskap yang menggambarkan nilai sejarah yang tinggi dari segi sejarah, seni dan sains.

# KONSEP PEMULIHARAAN BANGUNAN

## 1. Keaslian Bahan Binaan (material)

- ❖ merupakan aspek yang paling utama.
- ❖ membawa bersama nilai sejarah masa lepas.
- ❖ terkandung bukti-bukti mengenai ilmu yang telah tiada, gubahan idea dan keunggulan bangunan.
- ❖ banyak bersumberkan bahan semulajadi seperti kayu, batu dan kapur.
- ❖ penggunaan semula bahan yang sama seperti yang asal adalah lebih serasi dari segi tindak balas bahan selain kesepadanan dari segi rupa

# KONSEP PEMULIHARAAN BANGUNAN

## 2. Keaslian Reka Bentuk (design):

- ❖ bangunan lama mempunyai sejarah perkembangan pembinaan. Bangunan yang masih kekal pada masa kini telah melalui pelbagai perubahan pada binaan mengikut era
- ❖ perlu mengkaji struktur asal bangunan, gaya seni bina dan hubungan bangunan dengan persekitaran bagi memastikan dan memilih era apakah bangunan patut dipulihara.

# KONSEP PEMULIHARAAN BANGUNAN

## 3. Keaslian Kerja Binaan/Pertukangan (workmanship):

- ❖ mempunyai keunikan dari segi kerja binaan atau pertukangan tukang-tukang pada zaman dahulu.
- ❖ Kesenian kerja binaan mestilah dikekalkan dan sebarang pemuliharaan dan pembaikan pada bahan yang rosak ukiran atau hilang bahagian penyambungan mestilah dipulihara dengan bahan yang asal juga mengikut teknik kerja pertukangan yang tradisional.
- ❖ Kerja-karya membaik pulih kerosakan mestilah menghasilkan bentuk yang harmoni di antara yang asal dengan yang baru.

# KONSEP PEMULIHARAAN BANGUNAN

## 4. Keaslian Tataletak (setting):

- ❖ bentuk bangunan, kedudukan bangunan dan susun atur kawasan dan ruang dalaman bangunan dikekalkan seperti yang asal.
- ❖ keaslian pada bentuk dan susun atur bangunan dapat menstrukturkan gambaran sebenar berkenaan bentuk bangunan dan mengaitkannya dengan peristiwa-peristiwa sejarah yang dialami.
- ❖ keaslian bentuk dan susun letak ini diperolehi selepas penyelidikan arkeologi.

# BANGUNAN TRADISIONAL

1. Bangunan tradisional di Malaysia terdiri daripada:

- ❖ rumah tradisional Melayu
- ❖ pribumi Sabah dan Sarawak
- ❖ orang Asli

2. Ia juga merangkumi lain-lain bangunan tradisi Melayu, Siam, Cina dan India seperti istana, masjid, madrasah, wat, tokong, kuil serta rumah tradisional kaum Cina dan India.

# BANGUNAN TRADISIONAL

3. Kebanyakan bangunan tradisional khususnya rumah tradisional Melayu dan Siam di Semenanjung serta rumah tradisional pribumi di Sabah dan Sarawak dibina keseluruhannya dari kayu serta gabungan lain-lain bahan organik seperti nibung, buluh dan atap rumbia, bertam atau genting tanah liat yang mudah luluhawa dan diserang serangga perosak sehingga pengekalan dan pemuliharaan bangunan sebegini sangat mencabar.

4. Bangunan tradisi Cina mempunyai pelbagai variasi mengikut suku kaum dan pemuliharaan bangunan sebegini memerlukan kefahaman yang baik dari segi seni bina dan ragam hias yang bervariasi ini.



# BANGUNAN TRADISIONAL

5. Masalah utama bagi pemuliharaan bangunan tradisional kayu:

- ❖ kekurangan tukang mahir dalam seni pertukangan tradisi khususnya untuk kerja tanggam dan memulihara (mengawet) kayu.
- ❖ Sumber kayu negara juga makin berkurangan seperti spesis jati. Bekalan kayu belian di Sabah dan Sarawak juga adalah merupakan sumber kawalan yang sangat terhad.
- ❖ tempahan khas akan mengambil masa bagi memastikan kayu yang dibekal berdasarkan kualiti yang sepatutnya.

# BANGUNAN TRADISIONAL

6. Antara bangunan tradisional:

- ❖ Balai Adat Orang Asli Kampung Putra di Simpang Durian, Jelebu, Negeri Sembilan,
- ❖ Rumah Penghulu Abdul Ghani di Merlimau, Melaka;
- ❖ Wat Kampung Dalam (Wat Siam) di Tumpat, Kelantan;
- ❖ Tokong Chan She Shu Yuen di Kuala Lumpur
- ❖ Kuil Sri Poyyatha Vinayagar Moorthy (Kuil Chetti) di Melaka
- ❖ Rumah Pengiran Mattusin di Lawas Sarawak,
- ❖ Masjid Insaniah Kampung Kuala Dal, Padang Rengas, Perak
- ❖ Istana Kampung Dalam (Bangunan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu) di Kuala Terengganu.

# BANGUNAN KOLONIAL

1. Terdiri daripada bangunan pentadbiran kerajaan, bangunan awam, sekolah dan struktur serta monumen seperti jambatan dan menara jam.

2. Antara bangunan Kolonial:

- ❖ Bangunan Sultan Abdul Samad,
- ❖ Pejabat Pos Besar (GPO) dan Ibu Pejabat JKR (PWD) yang semuanya terletak di kawasan Dataran Merdeka;
- ❖ Muzium Perak di Taiping,
- ❖ bangunan Sekretariat (SUK) di Seremban;
- ❖ bangunan Stadthuys di Melaka,
- ❖ Muzium Sultan Abu Bakar di Pekan
- ❖ Kubu Margherita di Kuching.

# BANGUNAN KOLONIAL

3. Bangunan kolonial umumnya direka bentuk arkitek atau jurutera kolonial namun ianya dibina oleh orang tempatan menggunakan teknik binaan tempatan, bahan tempatan dan mengambil kira keadaan cuaca tempatan.
4. Walau pun sebahagiannya direka bentuk sepenuhnya dengan gaya seni bina Eropah seperti Klasikal, Gothic, Tudor dan Art-deco, sebahagiannya adalah gabungan seni bina tempatan atau pengaruh seni bina Cina sehingga ia menjadi seni bina unik yang dikenali sebagai *eclectic* atau *hybrid*.

# BANGUNAN KOLONIAL

5. Kerja pemuliharaan ini memerlukan penyelidikan saintifik bagi memastikan masalah, penyakit dan kecacatan yang dialami setiap bangunan walau pun ianya bangunan dengan seni bina dan zaman yang sama kerana masalah lokasi (*locality*), sumber dan kualiti bahan adalah berbeza dan perbezaan iklim Eropah dan iklim tropika.

# BANGUNAN WARISAN

## 1. Klasifikasi bangunan warisan:

- ❖ Istana
- ❖ Rumah Ibadat
- ❖ Bangunan Persendirian
- ❖ Bangunan awam
- ❖ Sekolah/ institusi
- ❖ Bangunan pertahanan
- ❖ Bangunan pentadbiran kerajaan
- ❖ Bangunan kelab dan persatuan
- ❖ Bangunan perdagangan

# KATEGORI ISTANA

## (BANGUNAN KOLONIAL)

### ❖ **Bangunan Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang (1929)**



*Sebelum Kerja Konservasi*



*Semasa Kerja Konservasi*



*Selepas Kerja Konservasi*

1929 – kediaman residen British

1948 - istana bersemayam Al-Marhum Sultan Abu Bakar (Istana Kota Beram)

17 Mac 1976 - Muzium Negeri Pahang

21 Oktober 1976 - dirasmikan dengan nama Muzium Sultan Abu Bakar

# KATEGORI ISTANA (BANGUNAN KOLONIAL)



*Ukiran yang mempunyai ciri-ciri kediaman Kolonel British masih jelas kelihatan*



*Pandangan fasad bangunan dari sisi kiri*



*Ruang koridor tingkat atas diletakkan kaca jernih untuk tujuan penghawa dingin*



# KATEGORI ISTANA

## (BANGUNAN KOLONIAL)



*Tangga kayu utama  
sedia ada disyelek bagi  
menyerlahkan  
keasliannya*



*Bahagian serambi tingkat  
atas ditutup dengan tingkap  
ram kayu sepanjang fasa*

# STRUKTUR BANGUNAN MUZIUM SULTAN ABU BAKAR, PAHANG

1. Struktur bangunan Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang :

- ❖ Sistem Dinding Tanggung Beban- bahagian utama bangunan, Ketebalan dinding adalah di antara 12" hingga 14" dan ia terbina daripada ikatan batu bata yang dilepa
- ❖ dan Sistem Tiang dan Alang - bahagian verandah dan anjung  
Tiang bangunan ini bersaiz 1'6" digunakan untuk menyokong struktur yang terdiri dari rasuk di atasnya

# STRUKTUR BANGUNAN MUZIUM SULTAN ABU BAKAR, PAHANG

❖ Struktur bumbung bangunan :

1. bumbung curam - genting tanah liat merah
2. bumbung rata - konkrit tetulang

❖ tangga batu dan tangga kayu

❖ tingkap (bahagian atas kaca, bahagian bawah kayu keras)

❖ pintu kayu

# KATEGORI RUMAH IBADAT

## (BANGUNAN TRADISIONAL)

❖ Masjid Ihsaniah Iskandariah, Kampung Kuala Dal, Padang Rengas, Kuala Kangsar, Perak (1936)



*Keadaan masjid setelah dikosongkan pada tahun 1976.*

1936 - dibina

11 Februari 1938 – dirasmikan

Disember 2008 – konservasi oleh Jabatan Warisan Negara



*Sebelum kerja-kerja konservasi, tahun 2006.*



*Selepas kerja-kerja konservasi, tahun 2009.*

# KATEGORI RUMAH IBADAT

## (BANGUNAN TRADISIONAL)



*Keadaan asal dinding kelarai yang diperbuat daripada buluh minyak tempatan sebelum kerja-kerja konservasi dilaksanakan.*



*Kerja-kerja mengukir pada kerawang tingkap dengan menggunakan pahat kecil.*



*Kerawang kepala tingkap labuh bermotif flora.*

# KATEGORI RUMAH IBADAT (BANGUNAN TRADISIONAL)



*Plak perasmian yang bertulis tarikh perasmian Masjid Lama Kampung Kuala Dal.*



*Minaret yang telah siap dibaik pulih.*



*Pandangan tingkap, kerawang dan kelarai yang telah siap dibaik pulih..*

# STRUKTUR BANGUNAN

MASJID IHSANIAH ISKANDARIAH  
KUALA KANGSAR, PERAK

1. Rekabentuk sangkar burung
2. Struktur bangunan terdiri daripada:
  - ❖ keseluruhan dindingnya dibuat daripada buluh minyak yang dianyam dengan tangan dan dipanggil “dinding tepas/tepus” ,bermotif pengaruh ‘arabes’ pada dinding masjid sebagai nilai estetika
  - ❖ 20 tingkap berdaun dua yang dihiasi ukiran “tebuk terus, tidak silat” bermotif pucuk kacang, bulan sabit dan bintang.
  - ❖ Bumbung masjid sangat unik kerana tidak mempunyai tebar layar menyebabkan kelihatan seperti bumbung rata



# RUJUKAN:

---

❖ <http://www.heritage.gov.my/>